



## Intro

Internet kini menjadi media untuk meluaskan usaha berdakwah. Sebagaimana media lain, ia membawa kebaikan dan keburukan. Kesempatan diambil untuk memanfaatkan kebaikan media internet digunakan sebagai landasan untuk berdakwah.

Berasaskan tujuan asal untuk berdakwah dan membina komuniti, Portal Ukhwah ditubuhkan. Walaupun bermula dalam keadaan yang serba daif, lama-kelamaan portal komuniti tersebut makin menyerlah dan terus bertahan mengekalkan prinsip asalnya iaitu berdakwah dan membina komuniti.

## Mini Sejarah

Portal Komuniti Ukhwah adalah laman web interaktif / portal yang berbentuk komuniti cyber dibina dengan tujuan untuk membina ukhwah ke seluruh dunia, bertukartukar info, ilmu, melalui internet. Dengan membawa slogan "Menyemai Kasih Memupuk Ukhwah," Portal Komuniti Ukhwah sedaya-upaya menerapkan slogan tersebut di dalam diri setiap ahli yang mendaftar di portal tersebut untuk menyemai benih-benih kasih-sayang sesama manusia.

Portal Komuniti Ukhwah ditubuhkan pada 14 Mei 2003, sempena dengan MaulidurRasul.

Pada mulanya ia dinamakan Komuniti Ukhwah. Setelah setahun beroperasi, mulai dari 2004, ia dengan rasminya disebut sebagai PORTAL KOMUNITI UKHWAH. Nama ini membawa imej dan kekuatan baru.

Setahun beroperasi, Portal berkonsepkan islamik dan ukhwah ini berjaya mengumpulkan lebih dari 10,000 ahli dari seluruh Malaysia. Perkembangan ini amat memberangsangkan bila keahlian makin berkembang. Kini Portal ini mencatatkan keahlian dari Brunei, Singapura, In-

donesia, United Kingdom, New Zealand, Australia, Timur Tengah, USA, Jepun. Kebanyakan ahli dari luar negara itu ialah warga Malaysia yang sedang menuntut di luar negara.

Kini Portal telah melangkah beberapa langkah lagi, berkembang sedikit demi sedikit menuju kepada matlamat asal iaitu menjadi Yayasan Ukhwah.

Hasrat Portal untuk merealisasikan “online // offline” sedang diusahakan dengan penuh kesungguhan bagi memberi faedah kepada warga Portal Komuniti Ukhwah. Ini sekali gus bagi menghapuskan anggapan bahawa Portal Komuniti Ukhwah hanya hebat secara online sahaja. Tidak banyak faedah yang diperoleh oleh warga Ukhwah jika tidak diseimbangkan “online // offline”

## **Makin Dikenali**

Sejak ditubuhkan, Portal Komuniti Ukhwah semakin terkenal dan aktif. Menjadi kebanggaan ahli-ahlinya bila mereka menyebut sebagai “Warga Ukhwah.com.”

Sejak penubuhannya, siri JK (Jejak Kasih) telah berpuluhan kali diadakan termasuklah JK besar-besaran yang menelan belanja puluhan ribu ringgit. Program-program penting pun banyak telah dilaksanakan. Semua dirancang dan dilaksanakan oleh warga Ukhwah sendiri, membuktikan bahawa mereka adalah komited sama-sama sedang menuju matlamat untuk menjadi Yayasan Ukhwah.

Nama Portal Komuniti Ukhwah juga sejak ditubuhkan semakin banyak disebut di stesen radio, di media bercetak dan dalam internet sendiri. Keahlian baru berterusan antara 10 hingga 20 ahli baru mendaftar setiap hari. Warga Ukhwah.com sendiri yang bekerjasama mempromosikan Portal kesayangan mereka. Pada tahun 2007, keahlian Ukhwah.com melebihi 30,000 ahli dari seluruh pelusuk dunia.

Pada mula penubuhannya, tidak ada yang mahu bekerjasama dengan Portal Komuniti Ukhwah. “Apa benda Komuniti Ukhwah itu?” Itu bunyinya bila hendak bekerjasama. Kini Portal Komuniti Ukhwah terpaksa menangguhkan dan menolak kerjasama kerana banyaknya hasrat untuk bekerjasama dengan Portal Komuniti Ukhwah.

Usaha yang dilakukan oleh Portal Komuniti Ukhwah sentiasa mendapat pujian dari pelbagai pihak. Dalam masa yang sama, usaha Portal Komuniti Ukhwah ini sentiasa cuba ditiru. Akan tetapi, usaha meniru dan memusuhi atau mempergunakan Portal Ukhwah kurang berkesan kerana komitmen sebahagian besar ahlinya menerapkan slogan “The Real Trendsetter.... Always Few Steps Ahead”. Sentiasa di hadapan, aktif dengan idea-idea baru dan pelaksanaan yang dinamik.

## **Kandungan Portal Komuniti Ukhwah**

Laman web atau Portal Komuniti Ukhwah.com mengandungi beberapa segmen. Antara segmen yang penting ialah:

- Forum untuk perbincangan terbuka sambil menimba ilmu. Forum sangat popular dan mengandungi beberapa topik dan topik tersebut dipecahkan lagi menjadi sub-topik seperti berikut:
  - Jejak Ukhwah
  - Jejak Semasa
  - Jejak Aktiviti
  - Jejak Profesion
  - Jejak Kesihatan
  - Jejak Addin
  - Jejak Teknologi
  - Jejak Karya
  - Jejak Hati
  - Jejak Nasyid
  - Jejak Perantau
  - Jejak Awas
  - Jejak Rileks
  - Jejak Kenderaan
  - Jejak Simpati
  - Jejak Ucapan
  - Jejak Tugas
  - Jejak Dapur
  - Jejak Hobi
  - Jejak Cuti-cutip
- Artikel sumbangan ahli. Artikel dibahagikan kepada beberapa topik:
  - Berita
  - Karya
  - Kenangan
  - Semasa
  - Tazkirah
  - Umum
- Link ke Jabatan Kerajaan, IPTA, IPTS dan laman web lain yang penting
- Kaunseling Ummi. Ahli Ukhwah.com yang menghadapi masalah boleh mendapatkan kaunseling dari Kaunselor berpengalaman, Hajah Siti Hajar Mohsin (Ummi)
- Galeri Gambar. Memaparkan gambar aktiviti ahli dan aktiviti yang dijalankan oleh Ukhwah.com
- Selain segmen penting tersebut ada beberapa lagi segmen lain sebagaimana laman web interaktif atau portal.

## **Insentif Portal Komuniti Ukhwah**

Ahli-ahli yang berdaftar diberi gelaran "Warga Ukhwah.com". Untuk menggalakkan mereka terus setia dan terus berinteraksi melalui forum yang disediakan, mereka diberi 'pangkat' dalam bentuk 'Bintang Keahlian'. Kenaikan 'pangkat' diperoleh dari jumlah 'posting' di dalam forum. 'Bintang Keahlian' yang dikurniakan adalah:

- Ahli Rasmi : 0 hingga 20 posting
- Ahli 1 Bintang : 21 hingga 40 posting
- Ahli 2 Bintang : 41 hingga 70 posting
- Ahli 3 Bintang : 71 hingga 150 posting
- Ahli 4 Bintang : 151 hingga 350 posting
- Ahli 5 Bintang : 351 hingga 400 posting
- Ahli Setia : 401 hingga 1200 posting
- Ahli Senior : 1201 hingga 2000 posting
- Ahli Legenda : 2002 hingga 10000 posting

Mana-mana warga Ukhwah.com yang aktif menghantar artikel, berforum, dan menyertai aktiviti akan diserap masuk ke dalam Pentadbiran. Mereka akan menyandang pangkat sebagai Eksekutif yang juga bertindak sebagai Moderator.

## **Aktiviti Portal Komuniti Ukhwah**

Semenjak ditubuhkan, Portal Komuniti Ukhwah.com telah mengadakan berbagai-bagai aktiviti sehingga sekurang-kurangnya 5 aktiviti dalam setahun sebagai merealisasikan "online // offline" — bukan hanya di alam internet bahkan di alam nyata.

Perbincangan untuk menganjurkan aktiviti tersebut selalunya dibincangkan di dalam Portal Komuniti Ukhwah. Sesudah memperoleh kata sepakat barulah dijalankan aktiviti tersebut dijalankan.

Aktiviti Portal Komuniti Ukhwah.com diberi nama "JK" yang membawa maksud "Jejak Kasih" sebagai menyerapkan sikap kasih-sayang di kalangan ahli.

Bagaimanapun, sepanjang aktiviti berjalan, adab sopan dan pergaulan adalah dikawal rapi. Antara JK yang telah dijalankan:

- JK Buka Puasa (setiap tahun)
- JK Hari Raya (setiap tahun)
- JK Pesta Buku Antarabangsa
- Mega JK di Pulau Pinang
- JK Hospital Seremban
- JK Terengganu
- JK Kelantan
- JK Kem Ibadah dan Motivasi
- JK Memanah (Sukan dan Riadah)

- JK Boling (Sukan dan Riadah)
- JK Ulang tahun (setiap tahun)
- JK Konvo (di beberapa Universiti)
- JK Anak Yatim
- JK Luar Negara (seperti JK Mesir)
- JK Walimah Ahli
- JK Sambutan Hari Lahir

Sejak akhir-akhir ini Portal Komuniti Ukhwah.com lebih menumpukan kepada JK Kem Ibadat dan Motivasi dengan kerjasama sekolah-sekolah menengah sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.

Untuk program besar yang memakan belanja seperti JK Kem Ibadah dan Motivasi, JK Hospital dan sebagainya akan didapatkan penaja terlebih dahulu, misalnya dari pertubuhan Islam seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

## **Pentadbiran Portal Komuniti Ukhwah**

Portal Komuniti Ukhwah.com ditadbir oleh warga Ukhwah.com sendiri. Mana-mana warga Ukhwah yang layak dipilih untuk menganggotai Majlis Tertinggi (pentadbir Portal Komuniti Ukhwah.com).

Hanan Network pula didaftarkan dengan Pendaftar Perniagaan pada 4 Jun 2003 dengan nombor pendaftaran 001414251-H dan bertindak sebagai 'syarikat' yang mentadbir Portal Komuniti Ukhwah.

Pentadbiran Portal Komuniti Ukhwah.com dibahagi-bahagikan seperti berikut:

### **PENGASAS:**

- Kang  
(Nama lain bagi Razzi Armansur, penulis terkenal)

### **PRESIDEN:**

- Hanan  
ex-siswa Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Pengurusan

### **PENGARAH OPERASI:**

- simple\_shida (Nurul Ashidah Johari)  
ex-siswa UUM, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa

### **KAUNSELOR:**

- ummimq (Hajah Siti Hajar Mohsin)  
MA (UTM)

### **TEAM EVENT:**

#### **PENGARAH EVENT**

- Prof\_Muslim (Mohd Izza Zulkifli) ex-Politeknik, Diploma Kerjuruteraan Awam
- istisafa (Suhaily Rozaly) ex-siswa Uitm, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Korporat

#### **KOORDINATOR EVENT**

- Khalifah (Md Firdaus Alias) ex-siswa UTM, Diploma Pengurusan Teknologi
- Rumaishaaa ((Mardhiah Hayati Abd. Rahman) ex-siswa UIA, Ijazah Sarjana Muda Sains Politik
- Naza\_Firman (Umi Salmah Saharuddin) ex-siswa Kolej JAIPETRA, Diploma Psikologi
- trouver\_99 (Fadli Zul Ikram Zainuddin) Mahasiswa MMU, Multimedia
- immad (Halimaton Mohamad) siswa UIA, Ijazah Sarjana Muda Perakaunan

#### **SETIAUSAHA EVENT**

- syahidatul (Wan Syahida Wan Abd. Kahar) ex-siswa UM, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bio Perubatan

### **TEAM IT:**

#### **PENGARAH IT**

- shayuki (Fadhlullah Abd Rahman) ex-siswa UIA, Ijazah Sarjana Muda Ekonomi

### **TEAM IT**

- ibnuyahya (Muhamad Hanafiah Yahya) ex-siswa, UTM
- Martyr (Mohd Hazrin Mohd Dalhal) ex-siswa, UTM
- Sailormoon (Mohd Hafiz)

### **TEAM SUKAN & RIADAH:**

#### **PENGARAH SUKAN & RIADAH**

- Owl\_UM (Mohammad Shafiq Sohot) siswa UM, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian
- Mohamad (Mohamad Azhar Mohidin) siswa Kolej Linton, HND Elektrik Elektronik

### **TEAM KEBAJIKAN:**

#### **PENGARAH KEBAJIKAN**

- sadiqah (Muhayati Abdullah) ex-Politeknik, Diploma IT

### **TEAM KEBAJIKAN**

- arepis (Mohd Hafizuddin Zakaria) ex-siswa UUM, Ijazah Sarjana Muda Sains Pemutusan
- zulmi (Ramzul Iman Bin Ramli) ex-siswa KUIN.OUM, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan
- ismi\_atikah (Atikah 'Adawiyah Abdul Ghani) siswa UMP, Ijazah Sarjana Muda Elektrik Elektronik

**TEAM PENDIDIKAN:**

**PENGARAH PENDIDIKAN**

Along\_Safa (Mohd Safari Sarodin)

**SETIAUSAHA UKHWAH.COM**

Littlemuslimah (Nur Hazwani Hamid) siswa UIAM, Ijazah Sarjana Muda Sains Politik

## **Perbelanjaan dan Perolehan Portal Komuniti Ukhwah**

Perbelanjaan utama Portal Komuniti Ukhwah.com adalah perbelanjaan penyelenggaraan server.

Pada tahun 2004 Portal Komuniti Ukhwah.com telah membeli server sendiri untuk menampung keperluan yang semakin membesar dan mendadak. Server berharga RM5,000.00 tersebut telah dibeli secara berhutang.

Server tersebut kemudian diletakkan di pusat data (Jaring) dengan bayaran RM350.00 sebulan. Sebuah syarikat IT (FIVIO.COM) telah bermurah hati menaja sebahagian dari belanja bulanan tersebut.

Bagi menampung perbelanjaan bulanan dan penyelenggaraan server, Portal Ukhwah.com telah:

- Menerbitkan buku-buku kecil untuk dijual kepada warga Ukhwah.com dengan harga RM5.00. Sehingga kini, kerana masalah modal dan pulangan, hanya 3 buku kecil mampu diterbitkan:
  - Mutiara Warisan
  - Mutiara Hikmah
  - Mutiara Inspirasi
- Menerbitkan ebook dijual dengan harga yang rendah. Namun sambutan juga kurang memberangsangkan.
- Menawarkan ruang iklan dengan bayaran RM1 sehari.
- Membuat kutipan derma dari warga Ukhwah.com namun hasilnya amat menyedihkan.
- Kempen derma RM1.00 yang dijalankan berkali-kali tetapi tidak mendatangkan hasil yang diharapkan.
- Portal Komuniti Ukhwah.com sedaya-upaya mengekalkan keahlian dengan percuma,
- kerana itu ikhtiar lain dicari supaya memperolehi dana bukan dari yuran keahlian.

## **Dana Yang Diperlukan**

Pentadbiran Portal Komuniti Ukhwah.com memerlukan dana bulanan dan juga tahunan bagi menampung perbelanjaan dan pembayaran hutang, seperti berikut:

- Penyelenggaraan server: RM3,000.00 setahun (setiap tahun).
- Server co-location di pusat data RM300 sebulan x 12 bulan = RM3,600.00 setahun.
- Pembaharuan domain (ukhwah.com, ukhwah.net, ukhwah.org)  
= RM55.00 x 3 = RM165.00 setahun.
- Dana kecemasan = RM1,000.00 setahun.

Keseluruhan:

Perbelanjaan tahunan = RM7,765.00

## **Perancangan Masa Depan**

Matlamat utama Portal Komuniti Ukhwah.com kekal untuk menubuhkan Yayasan Ukhwah.com sebagaimana yang dirancang sejak dari awal penubuhan.

Selain meneruskan aktiviti dakwah dan sosial, Portal Komuniti Ukhwah dalam masa yang sama berusaha menubuhkan Kelab Fasilitator dengan modul yang berbeza dari modul yang sedia ada di pasaran.

Fasilitator dan modul ini akan dipasarkan untuk memperolehi pendapatan yang sebahagiannya disalurkan sebagai dana Ukhwah.com dan sebahagian lagi sebagai sumber pendapatan Fasilitator.

Seterusnya, sebagai matlamat berterusan, usaha dilakukan supaya Portal Ukhwah.com terus menjadi "jenama" di IPT dan IPTA di seluruh negara di samping berterusan berusaha menjadikan Portal Komuniti Ukhwah.com sentiasa No. 1 sebagai portal islamik di Malaysia dan seterusnya seluruh dunia.

## **Kesimpulan Perjalanan**

Portal Komuniti Ukhwah adalah portal (gerbang atau tapak) untuk membina kerjasama, human networking, mengusahakan perkara yang memberi faedah kepada ramai, mendidik insan, membentuk nilai-nilai Islam, sambil mengekalkan tradisi membina ukhwah dan interaksi.

Minat dan kehairahan golongan muda mengharungi era IT haruslah didorong kepada kebaikan. Kita sedia maklum, setiap teknologi membawa kebaikan dan keburukan. Portal Komuniti Ukhwah.com ditadbir oleh HANAN NETWORK berusaha menjurus pengguna teknologi internet (terutamanya golongan muda) ke arah kebaikan.

Namun sebagaimana usaha lain, usaha berdakwah juga memerlukan dana yang besar. Atas sebab itu, pihak pentadbiran Portal Komuniti Ukhwah.com memohon jasa baik dan belas ehsan dari pihak yang simpati untuk menghulurkan bantuan bagi meneruskan usaha dakwah melalui portal islamik ini.

## Pentadbir

Nama Pendaftaran : HANAN NETWORK  
No. Pendaftaran : 001414251-H  
Tarikh Pendaftaran : 4 Jun 2003  
Skop Perniagaan : ICT, Pengedaran  
Web & E-mel : hanan.com.my hanan@hanan.com.my  
Akaun Bank : Maybank A/C No: 5123 1630 8046  
Pengurus : Hanan binti Alam Faizli